



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

2020 BULETIN MAQIS



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

JUN

BULETIN @ MAQIS

PEMANSUHAN APPROVED PERMIT (AP) BAGI KOMODITI AGROMAKANAN

PUTRAJAYA-Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 18 Mei 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ingin memaklumkan bahawa Approved Permit (AP) yang merujuk kepada kelulusan kuota import dan kebenaran mengimport bagi komoditi agromakanan tertentu iaitu kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat) dan susu cair, tidak lagi dikenakan dan berkuatkuasa serta merta. Walau bagaimanapun, AP untuk pengimportan beras masih lagi berkuatkuasa. Keputusan pemansuhan AP ini adalah sebagaimana diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agromakanan daripada luar negara, pengimport masih perlu mempunyai Import Permit (IP) bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara. Ini untuk memastikan kawalan biosekuriti dan produk yang diimport adalah bebas daripada penyakit dan perosak serta diperoleh daripada loji yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Dengan pemansuhan AP ini, semua syarikat adalah dibenarkan mengimport semua komoditi agromakanan tertakluk kepada Import Permit (IP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) beserta syarat-syarat yang tertulis dalam permit selaras dengan subseksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan juga Akta serta Peraturan lain yang berkuatkuasa.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

MAFI akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantai makanan dan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan serta berkhasiat. Pada masa yang sama, kebajikan pengeluaran makanan tempatan juga akan terus dipelihara. MAFI berharap dengan keputusan Kerajaan ini, bekalan makanan dan sekuriti makanan negara akan terus kekal terjamin bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia.



BULETIN @ MAQIS



2 JUN 2022 | HATYAI, SONGHKLA THAILAND

Border Management Working Group(bmwg) Thailand Malaysia Meeting At Lee Gardens Plaza Hotel, Hatyai Songhkla, Thailand.



2 JUN 2022 | HATYAI. SONGKHLA THAILAND

Turut bersama-sama menghadiri mesyuarat tersebut Puan Lily Rosalin Pakianathan, Pengarah MAQIS Negeri Kedah.

BULETIN @ MAQIS



PRA- PELANCARAN MAHA 2022



9 JUN 2022 | KUALA LUMPUR

MAQIS Malaysia
@MaqisMalaysia



Pra-Pelancaran MAHA 2022

Penganjuran MAHA pada tahun 2022 ini bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for Future”.



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000
Fax No : 03-8870 8056

BULETIN @ MAQIS

LAWATAN KERJA TUAN SHAMSUL AKBAR SULAIMAN, KETUA PENGARAH MAQIS KE LAPANGAN TERBANG PULAU REDANG, TERENGGANU.



03 JUN 2022 | LAPANGAN TERBANG PULAU REDANG, TERENGGANU. Turut hadir, DR.Azhari Sharidan bin Abu Bakar Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

Berkesempatan juga meninjau sendiri ke kuarters kakitangan MAQIS di sekitar Pulau Redang bagi memastikan keperluan serta kelengkapan ditahap yang memuaskan.



BULETIN @ MAQIS

MAQIS TAHAN HASILAN PERTANIAN TANPA PERMIT DARI INDONESIA



Kompleks ICQS Melaka, 13 Jun 2022 - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Melaka telah menggagalkan cubaan membawa masuk komoditi pertanian dan hasilan ikan di Terminal Feri Antarabangsa, Kompleks ICQS Muara Sg, Melaka.

Pengarah MAQIS Negeri Melaka berkata, hasil pemeriksaan pegawai penguatkuasa MAQIS ke atas beberapa individu mendapati, kemasukan komoditi tersebut tidak mempunyai Permit Import yang sah. Kesemua tahanan tersebut yang dianggarkan bernilai RM2,700 ditahan untuk tindakan selanjutnya.

Modus operandi yang digunakan adalah dengan meletakkan semua barang tersebut di dalam beg pakaian dan dibalut dengan kemas bagi mengaburi pegawai MAQIS semasa pemeriksaan dijalankan.

Kegagalan pengimportan komoditi pertanian dan hasilan ikan tanpa Permit Import yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) tahun atau keduanya.

Pihak MAQIS sentiasa bersedia untuk melakukan tugas di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi pertanian, ikan dan haiwan yang masuk atau keluar dari negara mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan, bagi memastikan keselamatan makanan terjamin dan selamat di negara ini.



BULETIN @ MAQIS

LAWATAN KE TAPAK PEMERIKSAAN BERSAMA PENGARAH BAHAGIAN PERTANIAN, UNIT PERANCANG EKONOMI DI PELABUHAN KLANG, SELANGOR




21 JUN 2022 | SELANGOR



Lawatan Ke Tapak Pemeriksaan Pintu Masuk (MAQIS) Port Klang Utara, Selangor Bersama Puan Zaeidah Mohamed Esa, Pengarah Bahagian Pertanian, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Dan Ouan Safida Zalma Binti Mohd Piah, SUB Bahagian Pembangunan MAFI.

Turut Hadir Bersama-sama adalah Tuan Sobri Bin Hashim, Pengarah Maqis Negeri Selangor.



SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT:

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR:

NORA DINAH BINTI ABDUL RAHMAN

EDITOR:

ANNUHA BINTI MAT DESA



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000

Fax No : 03-8870 8056